

18 JAN 1997

Abim-PM

ANUGERAH KING FAISAL PALING SESUAI UNTUK DR MAHATHIR, KATA ABIM

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) berkata Anugerah Antarabangsa Raja Faisal untuk Perkhidmatan terhadap Islam 1997 yang diberikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu langkah tepat.

"Pelaksanaan dasar-dasar Islam dan pembangunan di Malaysia di bawah kepimpinan beliau membuktikan sumbangan Dr Mahathir terhadap Islam," kata setiausaha agung Abim Ahmad Azam Abdul Rahman dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata Abim mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir kerana memenangi anugerah itu.

"Seluruh rakyat Malaysia, khususnya Abim, bangga dengan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata beliau.

Pemenang anugerah Raja Faisal menerima sekeping sijil, pingat emas seberat 200gm dan hadiah wang tunai SR750,000 (RM500,000).

Ahmad Azam berkata Abim juga berbangga dengan pelancaran Koridor Raya Multimedia Malaysia yang diilhamkan oleh Dr Mahathir yang menarik penyertaan 28 tokoh terkemuka industri teknologi maklumat dari seluruh dunia.

Dalam kenyataan lain, Abim mengutuk sebuah negara Barat kerana menjadi dalang kepada pencerobohan ke atas Sudan minggu ini, dengan menggunakan Ethiopia dan pemberontak Sudan sebagai alat untuk mencapai maksudnya.

Kenyataan itu bagaimanapun tidak menamakan negara yang dimaksudnya.

"Daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum pencerobohan itu, adalah jelas bahawa negara Barat itu adalah dalang di sebalik kempen untuk mengancam kestabilan Sudan. Bekerjasama dengan Ethiopia dan pemberontak Sudan adalah satu langkah logik untuk negara Barat itu bagi memenuhi agenda sulitnya," kata Ahmad Azam.

-- BERNAMA

AFY MZ AHH